Mustapha bin Awang Besar lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO C-05–125–05 TAHUN 2014
AZIAH ALI, MOHD ZAWAWI DAN ABANG ISKANDAR HHMR
12 JANUARI 2015

Keterangan — Keterangan relevan — Penerimaan masuk keterangan — Maklumat tempat di mana dadah disimpan — Sama ada penemuan hasil daripada pernyataan atau maklumat yang diberikan oleh perayu — Sama ada hakim bicara adalah betul apabila menerima masuk pernyataan perayu sebagai keterangan — Sama ada keperluan s 27 Akta Keterangan 1950 telah dipenuhi — Sama ada maklumat adalah relevan di bawah s 8 — Akta Keterangan 1950 ss 8 & 27

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Kanabis seberat 18,207g — Pensabitkan dan hukuman — Rayuan terhadap — Penangkapan perayu hasil daripada maklumat — Perayu menunjukkan SP7 tempat di mana dadah disimpan di dalam kereta — Sama ada hakim bicara betul apabila menerima masuk keterangan perayu — Sama ada analisis yang dilakukan oleh ahli kimia adalah cacat — Sama ada perayu ialah seorang pembawa tidak salah — Sama ada hakim bicara telah memberi pertimbangan yang wajar dan secukupnya terhadap pembelaan — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)

Ini adalah rayuan perayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang mensabitkan beliau dengan satu pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') kerana dikatakan mengedar kanabis seberat 18,207g. Perayu telah dijatuhkan hukuman gantung mandatori seperti diperuntukan di bawah s 39B(2) ADB. Penangkapan perayu adalah hasil daripada maklumat yang diberikan kepada SP7 oleh seorang lelaki Melayu yang telah ditangkap seminggu sebelum hari kejadian atas kesalahan di bawah s 39B ADB. Bertindak atas maklumat tersebut, SP7 dan sepasukan anggota polis telah pergi ke tempat berkenaan. SP7 dan pasukannya pergi ke arah perayu dan memperkenalkan diri sebagai pegawai polis. Perayu melarikan diri dan berlaku satu pergelutan. Akhirnya, perayu berjaya ditangkap. Sebelum kereta yang dipandu perayu diperiksa, SP7 telah memberikan kata-kata amaran di bawah s 37A(1)(b) ADB kepada perayu. Semasa menjawab soalan yang dikemukakan kepada perayu, beliau menyatakan ada membawa dadah dan menyimpannya di dalam kereta. Kemudiannya, perayu telah menunjukkan kepada SP7 tempat di mana dadah tersebut disimpan di dalam kereta itu. Ahli kimia (SP4), setelah menjalankan analisis yang diperlukan, mengesahkan bahawa 18 ketulan

mampat yang ditemui di dalam kereta tersebut ialah kanabis dengan berat bersih 18,207g. Selepas membuat penilaian maksimum terhadap keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, hakim bicara berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie. Pada inti patinya, pembelaan perayu ialah pembawa tidak salah (*innocent carrier*). Perayu tidak mempertikaikan bahawa beliau memandu kereta tersebut pada hari kejadian tetapi tidak mengetahui bahawa di dalam kereta itu tersorok dadah berbahaya. Perayu percaya bahawa apa yang dibawa di dalam kereta itu ialah mercun kepunyaan kawannya. Pada tarikh kejadian perayu telah cuba menghubungi kawannya melalui telefon untuk menyerahkan bungkusan tersebut tetapi beliau telah ditahan oleh pihak polis. Perayu menafikan bahawa polis ada memberi kata-kata amaran tetapi memaksanya menandatangani dokumen. Perayu juga menyatakan bahawa pihak polis telah sedia mengetahui tempat dadah disorokkan di dalam kereta itu. Perayu menyatakan beliau hanya mengetahui tentang dadah itu selepas pihak polis membuka kusyen tempat duduk belakang kereta itu. Perayu mengemukakan tiga alasan utama bagi mencabar keputusan hakim bicara, iaitu: (a) sama ada hakim bicara betul apabila menerima masuk keterangan perayu di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 ('Akta'); (b) sama ada analisis yang dilakukan oleh ahli kimia adalah cacat; dan (c) sama ada perayu ialah seorang pembawa tidak salah.

Diputuskan, menolak rayuan perayu; mengesahkan dan mengekalkan sabitan dan hukuman:

(1) Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa kesemua keperluan s 27 Akta telah dipenuhi sebelum maklumat tempat di mana dadah tersebut dijumpai diterima masuk sebagai keterangan oleh hakim bicara. Walaupun perayu tidak berpendidikan dan buta huruf, namun keterangan menunjukkan bahawa beliau memahami kata-kata amaran yang diberikan kepadanya apabila beliau menganggukkan kepala sebagai tanda faham. Pernyataan atau maklumat yang diberikan oleh perayu telah dicatat dengan jelas oleh SP7 atas eksh P39. Perayu telah menunjukkan dengan isyarat tangan melalui pintu bahagian belakang pemandu di mana tempat dadah tersebut disorokkan. Berdasarkan keterangan yang ada, pihak polis tidak mengetahui di mana dadah itu disorokkan di dalam kereta itu tanpa maklumat yang diberikan oleh perayu (lihat perenggan 27 & 29).

(2) Keterangan SP4 jelas menunjukkan bahawa walaupun terdapat bantuan yang diberikan oleh pembantu-pembantu makmal dalam menjalankan beberapa kerja penganalisan, namun ia tidak menjejaskan analisis yang dibuat oleh beliau. Adalah tidak dipertikaikan bahawa SP4 mengawal dan menyelia kerja-kerja yang dibuat oleh pembantu-pembantu makmal. SP4 tidak melepaskan atau mewakilkan fungsi beliau sebagai ahli kimia kepada pembantu-pembantu makmal. Keputusan sama ada

ketulan-ketulan mampat itu adalah kanabis dalam makna s 2 ADB 1952 telah dibuat oleh SP4 dan bukan pembantu-pembantu makmal (lihat perenggan 39).

(3) Hakim bicara telah memberi pertimbangan yang wajar dan secukupnya terhadap pembelaan yang dikemukakan oleh perayu bahawa beliau adalah pembawa tidak salah dan tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah yang disorokkan di dalam keretanya. Hakim bicara telah menolak pembelaan tersebut. Tiada apa-apa salah arah yang dibuat oleh hakim bicara dalam menilai fakta dan undang-undang yang terpakai yang mewajarkan campur tangan mahkamah. Sesungguhnya pembelaan perayu itu telah gagal untuk menyangkal anggapan yang terpakai terhadapnya dan juga telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan terhadapnya (lihat perenggan 48).

[English summary

This was the appellant's appeal against the decision of the High Court in convicting him for an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA') for allegedly trafficking in cannabis weighing 18,207g. The appellant was sentenced to mandatory death as provided under s 39B(2) of the DDA. The appellant's arrest was following information given to SP7 by a Malay man who was arrested a week prior to the eventful day, following the offence under s 39B of the DDA. Acting on the said information, SP7 and a team of police officers had proceeded to the place. SP7 and his team had advanced towards the appellant and introduced himself as a police officer. The appellant fled and there was a scuffle. Finally, the appellant was arrested. Before the car driven by the appellant was searched, SP7 gave a cautioned statement under s 37A(1)(b) of the DDA to the appellant. In answering the questions posed to him, the appellant stated that he had carried drugs and had hid the same in his car. Next, the appellant showed to SP7 where the drugs were placed in the car. The chemist ('SP4'), after carrying out the required analysis, confirmed that 18 slabs discovered in the car were cannabis weighing 18,207g. After making a maximum evaluation against the evidence adduced by the prosecution, the trial judge was satisfied that the prosecution had made out a prima facie case. Essentially, the appellant's defence was that he was an innocent carrier. The appellant did not dispute that he had driven the car on the said day but maintained that he did not know that the car hid dangerous drugs. The appellant believed that what was transported in the car were firecrackers belonging to his friend. On the date of the said day, the appellant tried to contact his friend through telephone to hand the packaging but he was arrested by the police. The appellant denied that the police had given him a cautioned statement and had coerced him to sign the document. The appellant also stated that the police had readily known where the drugs were hidden. The appellant stated that he had only known of the drugs after the police pulled the cushion of the backseat. The appellant brought forth three main reasons to challenge

the decision of the trial judge, namely: (a) whether the trial judge was correct in accepting the evidence of the appellant under s 27 of the Evidence Act 1950 ('the Act'); (b) whether the analysis carried out by the chemist was defective; and (c) whether the appellant was an innocent carrier.

Held, dismissing the appellant's appeal; affirming and maintain conviction and sentence:

(1) The prosecution had successfully proved that all the requirements under s 27 of the Act had been satisfied before the information as to where the drugs were found were admitted as evidence by the trial judge. Even though the appellant was not highly-educated and was illiterate, evidence showed that he understood the words of caution given to him when he nodded his head as a sign that he understood. The statement and information given by the appellant was clearly stated by SP7 in P39. The appellant had showed through a hand signal from the door of the back passenger seat where the drugs were hidden. Based on the evidence, the police did not know where the drugs were hidden without the information given by the appellant (see para 27 & 29).

(2) SP4's evidence clearly showed that even though there was aid given by the lab assistants in carrying out a few analysis works, it did not affect analysis made by him. It was not disputed that SP4 controlled and supervised works made by the lab assistants. SP4 did not discharge or deputed his function as a chemist to his lab assistants. The result of whether the slabs were cannabis under s 2 of the DDA was made by SP4 and not the lab assistants (see para 39).

(3) The trial judge had given due and sufficient consideration of the defence's case adduced by the appellant that he was an innocent carrier and had no knowledge of the drugs hidden in the car. The trial judge had dismissed the said defence. There was no misdirection by trial judge in assessing the facts and applicable laws that warranted appellate intervention. The appellant's defence had failed to vindicate the assumption against him and had failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case against him (see para 48).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai penerimaan masuk keterangan, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 133.

Untuk kes-kes mengenai pengedaran, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 1929–1932.

Kes-kes yang dirujuk

A N Venkatesh and another v State of Karnataka [2005] 7 SCC 714, MA (diikut)

Francis Antonysamy v PP [2005] 3 MLJ 389, MP (dibeza)
Ganapathy a/l Renggasamy v PP [1998] 2 MLJ 577; [1998] 2 CLJ 1, MP (dirujuk)
Goi Ching Ang v PP [1999] 1 MLJ 507, MP (dirujuk)
Hanafi bin Mat Hasan v PP [2006] 4 MLJ 134, MR (dirujuk)
Kathavarayan a/l Munisamy v PP [2009] 1 MLJ 837; [2009] 1 CLJ 125, MR (dirujuk)
Kuruma v R [1955] AC 197, PC (dirujuk)
Lim Kah Wan v PP [1985] 2 CLJ 473, MT (dirujuk)
Mohamed Ismail bin Sahul Hameed v PP [2010] MLJU 581, MT (diikut)
Mohd Ya'cob bin Demyati lwn Pendakwa Raya [2011] 2 MLJ 321, MR (dirujuk)
Ong Ah Chuan v PP [1981] 1 MLJ 64, PC (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, MP (dirujuk)
PP v Chin Moi Moi [1995] 1 SLR 297, MT (diikut)
PP v Goh Yeong Hock & Anor [1988] 1 CLJ 185, MT (dirujuk)
PP v Hashim bin Hanafi [2002] 4 MLJ 176, MT (dirujuk)
PP v Lim Ah Bek [1989] 2 CLJ 1090, MT (dirujuk)
PP v Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor [2002] 3 MLJ 401, MT (dirujuk)
PP v Muhammad Nasir Shaharuddin & Anor [1994] 2 MLJ 576; [1992] 3 CLJ (Rep) 408, MT (dirujuk)
PP v Reza Mohd Shah bin Ahmad Shah [2002] 4 MLJ 13, MT (dirujuk)
PP v Shaik Anwar bin Abdul Jalil [1990] 1 CLJ 546, MT (dirujuk)
Siew Yoke Keong v PP [2013] 3 MLJ 630; [2013] 4 CLJ 149, MP (dirujuk)
The People of The Philippines v William Robert Burton G R No 114396, MA (dirujuk)
Y Jeyamuraly a/l Yesiah v PP [2007] 5 MLJ 224; [2007] 5 CLJ 605, MR (dirujuk)
Zulkilfi bin Md Rodzi v PP [2013] 3 MLJ 745, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37A(1)(b), 39B(1)(a), (2)
Akta Keterangan 1950 ss 8, 27
Kanun Acara Jenayah s 399

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45a-6-20/2 tahun 2012 (Mahkamah Tinggi, Kuantan)

Richard Bong (Bong & Co) bagi pihak perayu.
Samihah bt Rhazali (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Mohd Zawawi HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

PENDAHULUAN

[1] Ini ialah rayuan Mustapha bin Awang Besar (perayu) terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuantan yang mensabitkan beliau dengan satu pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB 1952) kerana dikatakan mengedar seberat 18,207g pada 15 Julai 2012, jam lebih kurang 1 pagi, di hadapan rumah No 49, Jalan BDK 2/33 Bandar Damansara, Daerah Kuantan, Pahang. Perayu telah dijatuhkan hukuman gantung mandatori seperti diperuntukan di bawah s 39B(2) ADB 1952.

[2] Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut dan telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan pada 15 Mac 2014. Kami telah mendengar rayuan ini pada 2 Disember 2014 dan di akhir pendengaran, kami mendapati rayuan ini tidak bermerit. Justeru, rayuan perayu ditolak dan sabitan dan hukuman yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi dikekal dan disahkan.

[3] Kini kami memberikan alasan terperinci keputusan.

FAKTA RINGKAS KES

Kes Pendakwaan

[4] Penangkapan perayu adalah hasil daripada maklumat yang diberikan kepada Insp Mohammad Izzuddin bin Zulkifly (SP7) oleh seorang lelaki Melayu yang telah ditangkap seminggu sebelum hari kejadian atas kesalahan di bawah s 39B ADB 1952.

[5] Maklumat yang diberikan mengandungi butir-butir terperinci, di mana dinyatakan bahawa pengedar yang disyakki ialah seorang lelaki Melayu dikenali sebagai 'Abang Pa'; dadah yang akan diedar ialah jenis ganja dan tempat pengedaran ialah di kawasan perumahan Bandar Damansara, Kuantan.

[6] Bertindak atas maklumat tersebut, SP7 dan sepasukan anggota polis telah pergi ke tempat berkenaan pada jam 11 malam. Pada jam 12.20 pagi, SP7 dimaklumkan melalui walkie talkie bahawa sebuah kereta Proton Saga bernombor pendaftaran TM 8029 menuju ke kawasan sasaran.

[7] SP7 melihat kereta tersebut berhenti di hadapan rumah No 49, Lorong BDK 2/33 dan pemandu mematikan enjin kereta. Seorang lelaki Melayu (kemudiannya dikenali sebagai perayu) telah keluar dari kereta dan pergi ke bahagian hadapan kereta itu. Kemudiannya, SP7 dan pasukannya pergi ke arah

perayu dan memperkenalkan diri sebagai pegawai polis. Perayu melarikan diri dan berlaku satu pergelutan. Akhirnya, perayu berjaya ditangkap.

[8] SP7 membuat pemeriksaan terhadap perayu dan mendapati dalam genggaman tangan kirinya satu rangkai kunci bersama alat kawalan jauh ('*remote control*'). Sebelum kereta diperiksa, SP7 telah memberikan kata-kata amaran di bawah s 37A(1)(b) ADB 1952 kepada perayu. Semasa menjawab soalan yang dikemukakan kepada perayu, beliau menyatakan ada membawa dadah dan menyimpannya di dalam kereta. Kemudiannya, perayu telah menunjukkan kepada SP7 tempat di mana dadah tersebut disimpan di dalam kereta itu.

[9] Seterusnya, pintu kereta itu dibuka dengan '*remote control*'. Perayu telah menunjukkan dengan isyarat tangan melalui pintu belakang pemandu tempat di mana dadah disorokkan. SP7 mendapati satu beg plastik jenama Coni Cocci di atas kusyen belakang kereta itu. Di dalamnya, terdapat sehelai baju warna hitam jenama Montagut, sehelai baju warna coklat jenama Montagut, sehelai seluar jenama Rockers, sekeping kad pengenalan dan lesen memandu atas nama perayu.

[10] SP7 membuat pemeriksaan lanjut di dalam kereta. Beliau menemui satu spanar atas alas kaki di bahagian tempat duduk belakang sebelah kanan kereta itu. Apabila skru kusyen belakang dibuka dengan spanar, SP7 menemui satu bahagian yang telah diubahsuai yang menyerupai satu penutup pada bahagian tempat duduk tersebut (lihat gambar-gambar 38 dan 39 eksh P16). Setelah dibuka penutupnya, SP7 menemui 18 ketulan mampat bahan tembakau kering disyaki sebagai ganja. Setiap satu ketulan tersebut dibaluti dengan plastik lut sinar.

[11] Di bahagian '*dash board*' kereta itu, SP7 menemui pasport Malaysia, sesalinan kad pengenalan dan satu lesen memandu yang kesemuanya atas nama perayu serta satu surat akuan kenderaan TM 8029. Di bahagian tengah ('*console*') ditemui resit Bangkok Union Insurance Public Company Limited dan satu resit Thai Development Insurance Company Limited atas nama perayu. Di bahagian penghadang cahaya di bahagian pemandu pula ditemui sesalinan kad pengenalan perayu.

[12] Ahli kimia (SP4), setelah menjalankan analisis yang diperlukan, mengesahkan bahawa lapan belas 18 ketulan mampat tersebut ialah kanabis dengan berat bersih 18,207g (lihat laporan kimia eksh P29).

[13] Selepas membuat penilaian maksimum terhadap keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, hakim bicara berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie. Justeru, perayu dipanggil membela diri.

Kes Pembelaan

[14] Pada inti patinya, pembelaan perayu ialah pembawa tidak salah (*innocent carrier*). Perayu tidak mempertikaikan bahawa beliau memandu kereta TM 8029 pada hari kejadian tetapi tidak mengetahui bahawa di dalam kereta itu tersorok dadah berbahaya. Perayu percaya bahawa apa yang dibawa di dalam kereta itu ialah mercun.

[15] Cerita perayu ialah bahawa pada 13 Julai 2012, beliau telah pergi ke Golok, Thailand untuk membeli barangan keperluan kedai makannya di Pulai Perdana, Johor Bahru. Sesampai di Golok pada 14 Julai 2012, jam 8 pagi, beliau bertemu dengan seorang bernama Mohammad. Mohammad adalah kawan kepada kawannya yang bernama Yusof. Mohammad ingin mengirim mercun untuk dibawa ke Malaysia. Mengikut Mohammad, Yusof adalah orang yang menyuruh supaya mercun itu dikirimkan dengan kereta perayu. Mohammad memberi perayu 'wang tambang' sebanyak RM1,000.

[16] Di Golok, perayu menyerahkan keretanya kepada Mohammad untuk diisi mercun di sebuah gudang. Mohammad kembali dengan kereta yang berisi mercun pada jam 9 pagi. Mohammad meminta perayu menghantarkan mercun itu kepada kawannya di Damansara, Kuantan. Di situ, kawan Mohammad akan datang mengambil mercun tersebut. Walau bagaimanapun, Mohammad tidak memberitahu nama dan nombor telefon kawannya itu. Dalam perjalanan pulang, Mohammad menumpang kereta perayu dan turun di Pasir Putih, Kelantan.

[17] Pada 15 Februari 2012, jam 1 pagi, perayu pergi ke tempat kejadian. Perayu menghubungi kawan Mohammad melalui telefon tetapi tiada jawapan. Beliau ditahan oleh pihak polis dan tangannya digari ke belakang. Dua orang anggota polis telah menumbuk dan menampar beliau. Perayu menafikan bahawa polis ada memberi kata-kata amaran tetapi memaksanya menandatangani dokumen. Pihak polis ada bertanya mengenai dadah di dalam kereta itu tetapi beliau menjawab tidak tahu. Pihak polis memaksa beliau menunjukkan tempat dadah disorokkan di dalam kereta itu. Perayu menyatakan bahawa pihak polis telah sedia mengetahui tempat dadah disorokkan di dalam kereta itu. Perayu dipaksa mencangkung di tetapi jalan. Perayu menyatakan beliau hanya mengetahui mengenai dadah itu selepas pihak polis telah membuka kusyen tempat duduk belakang kereta itu.

[18] Bagi menyokong pembelaannya, perayu memanggil saksi Rizuan bin Medin (SD2). Mengikut SD2, dia ada memberi maklumat kepada pihak polis mengenai kereta Wira tetapi tidak memberitahu SP7 di mana dadah disorokkan. SD2 tidak mengenali perayu. SD2 juga dikenali sebagai Yusof.

RAYUAN

[19] Di hadapan kami, peguambela terpelajar perayu mengemukakan tiga alasan utama bagi mencabar keputusan hakim bicara, iaitu:

(a) sama ada hakim bicara betul apabila menerima masuk keterangan perayu di bawah s 27 Akta Keterangan 1950;

(b) sama ada analisis yang dilakukan oleh ahli kimia adalah cacat; dan

(c) sama ada perayu ialah seorang pembawa tidak salah (*innocent carrier*).

Isu (a)

[20] Peguambela terpelajar perayu berhujah bahawa apabila serbuan dibuat di tempat kejadian, pihak polis telah sedia mempunyai maklumat di mana dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan disorokkan di dalam kereta. Menurut peguambela perayu lagi, maklumat yang diterima oleh SP7 ialah maklumat 'Kategori A-1'. yang mengandungi maklumat yang tepat mengenai fizikal perayu, kenderaan yang akan digunakan, cara pengedaran ganja akan dibuat dan bentuk komunikasi antara perayu dan pemberi maklumat.

[21] Justeru, dihujahkan bahawa s 27 Akta Keterangan 1950 tidak terpakai di dalam kes ini kerana pihak polis telah sedia mempunyai pengetahuan tentang tempat di mana dadah disorokkan dan penemuan itu bukanlah hasil daripada pernyataan atau maklumat yang diberikan oleh perayu kepada SP7 (lihat *Public Prosecutor v Muhammad Nasir Shaharuddin & Anor* [1994] 2 MLJ 576; [1992] 3 CLJ (Rep) 408; *Public Prosecutor v Hashim bin Hanafi* [2002] 4 MLJ 176; *Public Prosecutor v Shaik Anwar bin Abdul Jalil* [1990] 1 CLJ 546).

[22] Tambahan pula, perayu adalah seorang yang tidak berpendidikan dan buta huruf bagi membolehkannya memahami amaran yang diberikan di bawah s 37A(1)(b) ADB 1952. Perayu juga telah diarahkan berdiri di sebelah pintu, mencangkung, menanggalkan baju dan dipaksa menunjukkan barang-barang kes yang telah dijumpai oleh pihak polis di dalam kereta itu.

[23] Dalam keadaan sedemikian, hakim bicara sepatutnya menggunakan budi bicara yang terletakhak kepadanya untuk mengenepikan (*exlude*) keterangan tersebut walaupun ia boleh diterima sebagai keterangan dari segi teknikal. Keterangan yang diperolehi secara menindas tidak hams beroperasi

secara tidak adil bagi membuktikan kes terhadap perayu (lihat *Goi Ching Ang v Public Prosecutor* [1999] 1 MLJ 507; *Kuruma v R* [1955] AC 197; *Hanafi bin Mat Hasan v Public Prosecutor* [2006] 4 MLJ 134).

Keputusan Isu (a)

[24] Kami telah meneliti hujah mengenai isu ini dengan cermat dan berpendapat bahawa hakim bicara adalah betul apabila menerima masuk sebagai keterangan pernyataan perayu di bawah s 27 Akta Keterangan 1950.

[25] Mengikut keterangan, pernyataan dan maklumat yang diberikan oleh perayu dan dicatat oleh SP7 di dalam sehelai kertas yang dijumpai di tempat duduk belakang kereta (eksh P39) ialah seperti berikut:

> S: Adakah kamu ada menjumpai apa-apa barang yang menyalahi undang-undang?
>
> J: Ya ada, dadah.
>
> S:Dadah apa dan di mana kamu simpan dadah tersebut?
>
> J: Ganja, ada dalam kereta saya.
>
> S: Boleh kamu tunjukkan kepada saya di mana kamu simpan dadah tersebut?
>
> J: Boleh.

[26] Perayu kemudiannya telah menunjukkan kepada SP7 tempat di mana dadah itu disimpan, iaitu di tempat duduk belakang kereta. Perayu menunjukkan tempat itu dengan isyarat tangan melalui pintu bahagian belakang pemandu.

[27] Pada hemat kami, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesemua keperluan s 27 Akta Keterangan 1950 telah dipenuhi sebelum maklumat tersebut diterima masuk sebagai keterangan oleh hakim bicara. Walaupun perayu tidak berpendidikan dan buta huruf, namun keterangan menunjukkan bahawa beliau memahami kata-kata amaran yang diberikan kepadanya apabila beliau menganggukkan kepala sebagai tanda faham (lihat ms 142 dan 145 rekod rayuan). Pernyataan atau maklumat yang diberikan oleh perayu telah dicatat dengan jelas oleh SP7 atas eksh P39. Perayu telah menunjukkan dengan isyarat tangan melalui pintu bahagian belakang pemandu di mana tempat dadah tersebut disorokkan.

[28] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa pernyataan perayu: '*ganja, ada dalam kereta saya*', yang diikuti dengan pelakuan menunjukkan dengan menggunakan isyarat tangan tempat dadah disorokkan adalah

terjumlah kepada maklumat yang membawa kepada penemuan fakta (dalam kes ini dadah berbahaya) (lihat kes-kes *Siew Yoke Keong v Public Prosecutor* [2013] 3 MLJ 630; [2013] 4 CLJ 149; *Y Jeyamuraly a/l Yesiah v Public Prosecutor* [2007] 5 MLJ 224; [2007] 5 CLJ 605; *Lim Kah Wan v Public Prosecutor* [1985] 2 CLJ 473).

[29] Kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa berdasarkan keterangan yang ada, pihak polis tidak mengetahui di mana dadah tu disorokkan di dalam kereta itu tanpa maklumat yang diberikan oleh perayu. Di perenggan (25) dan (26) ms 195 rekod rayuan, hakim bicara telah menghuraikan perkara ini seperti berikut:

> [25] Di dalam kes ini, dadah ganja berada di dalam satu lubang di tengah bahagian body tempat duduk belakang kereta TM 8029 yang berpenutup yang tidak mungkin diketahui oleh sesiapa jika pihak polis tidak mendapat maklumat tersebut daripada tertuduh.
>
> [26] Dihujah oleh peguambela bahawa SP7 telah mengetahui kewujudan ganja dalam kereta tersebut memandangkan maklumat yang diterima oleh SP7 merupakan maklumat kategori A-1 iaitu tentang ketepatannya. SP7 semasa disoal balas menyatakan bahawa maklumat itu tepat seperti nama tempat, cara, bagaimana dan kereta. Semasa disoal semula SP7 menyatakan maksud makumat A1 lebih kepada pengedaran, jenis dadah yang dibawa, individu yang akan hadir, fizikal individu dan kenderaan digunakan. Tidak ada keterangan yang menyatakan bahawa sumber memberi maklumat mengenai tempat dadah disimpan di dalam kereta. Dengan itu tidak diragui bahawa SP7 tidak mengetahui di mana dadah disimpan dan disembunyikan di dalam kereta tanpa mendapat maklumat daripada Tertuduh.

[30] Mengenai isu bahawa hakim bicara sepatutnya menggunakan budi bicara untuk mengenepikan keterangan tersebut atas alasan terdapat elemen penindasan semasa maklumat diperolehi daripada perayu, kami mendapati tiada keterangan yang mewajarkan hakim bicara berbuat demikian. Peguambela terpelajar tidak langsung membuat permohonan semasa perbicaraan supaya hakim bicara melaksanakan budi bicaranya atau membuat bantahan supaya maklumat yang diberikan perayu di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 itu, diketepikan.

[31] Dalam kes *Francis Antonysamy v Public Prosecutor* [2005] 3 MLJ 389, Mahkamah Persekutuan tidak melaksanakan budi bicaranya untuk mengenepikan maklumat yang diterima masuk di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 kerana bantahan tidak dibuat oleh peguambela dan tidak ada apa-apa keterangan di hadapan mahkamah bagi membolehkannya melaksanakan budi bicara tersebut. Tambahan pula kerelaan (*voluntariness*) bukanlah merupakan satu isu dalam penerimaan masuk pernyataan atau maklumat di bawah seksyen

tersebut (lihat *Public Prosecutor v Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor* [2002] 3 MLJ 401).

[32] Alegasi dan tohmahan yang dibuat oleh perayu telah dijelaskan oleh hakim bicara di perenggan (28), baris 11 ms 196 rekod rayuan seperti berikut:

> ... Peguam berhujah bahawa perbuatan Tertuduh menunjuk itu adalah atas arahan SP7 dengan menunjuk kepada gambar-gambar di eksibit P9 gambar (4), (11) dan (12). Mahkamah ini mendapati bahawa soalan peguambela mencadangkan kepada SP7 bahawa beliau mengarahkan Tertuduh berdiri serta menunjuk dan mencangkung di bahagian kereta itu adalah berkaitan hanya kepada perbuatan-perbuatan semasa gambar-gambar diambil oleh jurugambar. Dalam keterangan SP7 menyatakan bahawa selepas selesai pemeriksaan (merujuk kepada pemeriksaan kereta) dibuat, SP kemudian menunggu jurugambar tiba di tempat kejadian. Perlu diingat operasi yang dilakukan oleh SP7 tanpa disertai oleh jurugambar. Oeh itu Mahkamah ini mendapati bahawa perbuatan menunjuk oleh Tertuduh di bahagian tempat duduk belakang pemandu itu bukan perbuatan yang diarahkan oleh SP7.

[33] Dalam menimbangkan isu mengenai penerimaan masuk keterangan perayu di bawah s 27 Akta Keterangan 1950, kami telah mengambil perhatian peringatan yang dibuat oleh Ketua Hakim Yong Pung How dalam kes *Public Prosecutor v Chin Moi Moi* [1995] 1 SLR 297 seperti yang berikut:

> Section 27 is clearly not a backdoor avenue for the admission of statements made by an accused person to the police, by passing s 24 and s 122(5) of the CPC. In *Tan Hung Song v RT* [1951] MLJ 181, Brown Ag CJ had warned that the section was not to let in confessions generally and no more than that which showed how the fact which was discovered was connected with the accused was admissible. In *Wai Chan Leong v PP* [1989] 3 MLJ 356, Gun SCJ emphasised that s 27 should be strictly construed and applied.

[34] Dalam nada yang sama, *Sarkar's Law of Evidence*, (Edisi ke-16) menyatakan:

> S 27 has frequently been misused by the police and courts should be vigilant about the circumvention of its provisions. The protection afforded by the wholesome provisions of ss 25 and 26 is sought to be whittled down by the police by their ingenuity in manipulating the record of the information given by the accused in the case-diary in such a manner as to make it appear that it led to the discovery of some facts although the police might have made such discovery form other sources. When a fact is once discovered from information received from another source, there can be no discovery again even if any information relating thereto is subsequently extracted from the accused. A device sometimes adopted by the police is to stage a scene and take the accused to the place where the things discovered lay buried or hidden and require him to make a search for them at the spot indicated to the accused or sometimes the articles are first produced before the accused and thereafter statements purporting to have been made by him about the so-called

A discovery are recorded. Courts should be watchful that the protection afforded by ss 25 and 26 should not be dependent on the ingenuity of the police officer in composing the narrative conveying the information relating to the allege discovery of fact.

B **[35]** Kami berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya memenuhi kesemua keperluan s 27 Akta Keterangan 1950 bagi membolehkan maklumat yang diberi oleh perayu kepada SP7 itu diterima masuk sebagai keterangan, iaitu:

C (a) perayu berada dalam tahanan polis;

(b) perayu menunjukkan tempat di mana dadah tersebut disorokkan di dalam kereta itu;

(c) dadah yang ditemui mempunyai sifat-sifat disembunyikan atau
D disorokkan; dan

(d) SP7 dan pasukannya tidak sedia mengetahui mengenai tempat dadah itu disorokkan tanpa maklumat daripada perayu;

(lihat *Kathavarayan Munisamy v Public Prosecutor* [2009] 1 MLJ 837; [2009]
E 1 CLJ 125; *Mohd Ya'cob bin Demyati lwn Pendakwa Raya* [2011] 2 MLJ 321)

[36] Sekiranya kami khilaf dalam memutuskan bahawa keterangan tersebut telah secara betul diterima masuk oleh hakim bicara di bawah s 27 Akta Keterangan 1950, pada hemat kami, ia adalah relevan di bawah s 8 Akta
F Keterangan 1950 bagi membuktikan bahawa perayu mengetahui terdapatnya dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan disorokkan di dalam kereta tersebut. Dalam kes *A N Venkatesh and another v State of Karnataka* [2005] 7 SCC 714, Mahkamah Agung India memutuskan seperti berikut:

G By virtue of Section 8 of the Evidence Act, the conduct of the accused person is relevant, if such conduct influences or is influenced by any fact in issue or relevant fact. The evidence of the circumstance, simpliciter that the accused pointed out to the police officer, the place where the dead body of the kidnapped boy was found and on their pointing out the body was exhumed, would be admissible as conduct under Section 8 irrespective of the fact whether the statement made by the accused
H contemporaneously with or antecedent to such conduct falls within the purview of Section 27 or not as held by this Court in *Prakash Chand v State (Delhi Admn)* Even if we should (sic) that the disclosure statement made by the accused appellants (Exts. P-15 and P-16) is not admissible under Section 27 of the Evidence Act, still it is relevant under Section 8. The evidence of the Investigating Officer and PWs 1, 2, 7 and PW4 the spot mahazar witness that the accused had taken them to the spot
I and pointed out the place where the dead body was buried, is an admissible piece of evidence under Section 8 as the conduct of the accused. Presence of A-1 and A-2 at a place where ransom demand was to be fulfilled and their action of fleeing on spotting the police party is a relevant circumstance and are admissible under Section 8 of the Evidence Act.

[37] Justeru, alasan (a) adalah tidak bermerit dan ditolak. **A**

Isu (b)

[38] Peguambela terpelajar perayu berhujah bahawa analisis yang dibuat oleh ahli kimia (SP4) adalah cacat kerana sebenarnya pembantu-pembantu beliau yang menjalankan ujian, terutamanya ujian TLC. Justeru, ia tidak mematuhi kehendak s 399 Kanun Acara Jenayah yang memperuntukkan bahawa ujian tersebut hendaklah dibuat oleh seorang ahli kimia bertauliah dan diwartakan (lihat kes *Zulkilfi bin Md Rodzi v Public Prosecutor* [2013] 3 MLJ 745). **B** **C**

[39] Pada hemat kami, hujahan ini tersasar. Keterangan SP4 jelas menunjukkan bahawa walaupun terdapat bantuan yang diberikan oleh pembantu-pembantu makmal dalam menjalankan beberapa kerja penganalisan, namun ia tidak menjejaskan analisis yang dibuat oleh beliau (lihat ms 120 rekod rayuan). Adalah tidak dipertikaikan bahawa SP4 mengawal dan menyelia kerja-kerja yang dibuat oleh pembantu-pembantu makmal. SP4 tidak melepaskan atau mewakilkan fungsi beliau sebagai ahi kimia kepada pembantu-pembantu makmal. Keputusan sama ada ketulan-ketulan mampat itu adalah kanabis dalam makna s 2 ADB 1952 telah dibuat oleh SP4 dan bukan pembantu-pembantu makmal. Laporan kimia (eksh P29) telah disediakan oleh SP4. **D** **E**

[40] Alasan (b) tidak mempunyai asas undang-undang dan ditolak. **F**

Alasan (c)

[41] Peguambela terpelajar perayu berhujah bahawa perayu tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah berbahaya yang disorokkan di dalam keretanya kerana beliau percaya ia adalah mercun. Dihujahkan, keterangan perayu mengenai perkara ini adalah munasabah dan konsisten. Penama-penama yang disebut oleh perayu iaitu Mohammad dan Yusuf bukanlah watak-watak rekaan tetapi benar-benar wujud. **G**

H

[42] Seterusnya dihujahkan bahawa hakim bicara sepatutnya menerima pembelaan perayu bahawa beliau adalah pembawa tidak salah (*innocent carrier*) dan bukan pengedar sebenar (lihat *Ganapathy a/l Renggasamy v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 577; [1998] 2 CLJ 1; *Public Prosecutor v Lim Ah Bek* [1989] 2 CLJ 1090; *Public Prosecutor v Goh Yeong Hock & Anor* [1988] 1 CLJ 185). **I**

[43] Pada hemat kami, melihat kepada kemungkinan kes (*probabilities of the case*), pembelaan perayu telah dengan betul ditolak oleh hakim bicara dan ia

tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah keatas kes pendakwaan.

[44] Kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa perayu adalah pengedar sebenar (*real trafficker*) atas alasan-alasan yang berikut:

(a) adalah tidak dipertikaikan bahawa perayu adalah pemilik kereta di mana dadah berbahaya itu disorokkan semenjak dari bulan Disember 2011 sehinggalah beliau ditangkap di tempat kejadian pada 15 Julai 2012;

(b) semasa perayu ditangkap, beliau memandu kereta itu sendirian;

(c) perayu mempunyai masa lebih dari mencukupi untuk membuka tempat duduk belakang kereta itu bagi mengesahkan sama ada barang yang dimuatkan oleh Mohammad adalah mercun tetapi beliau gagal berbuat demikian tanpa memberi apa-apa penjelasan;

(d) keterangan SP7 menunjukkan bahawa semasa perayu ditangkap, tidak terdapat apa-apa barangan keperluan yang telah dibeli untuk restoran perayu di Kulai, Johor. Justeru, cerita perayu bahawa beliau telah pergi ke Golok untuk membeli barang keperluan tersebut adalah tidak benar atau menyakin;

(e) semasa perayu ditangkap, beliau tidak memberitahu SP7 bahawa terdapat mercun kepunyaan Mohammad di dalam kereta itu sedangkan ia merupakan peluang terawal dan terbaik untuk menafikan penglibatannya dengan dadah tersebut;

(f) semasa SP7 memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis di tempat kejadian, perayu telah melarikan diri dan berlaku pergelutan. Jika sebenarnya perayu mengetahui bahawa barang yang disorokkan itu adalah mercun, tidak ada sebab untuk perayu melarikan diri. Pelakuan perayu ini boleh dibuat inferen bahawa beliau mempunyai pengetahuan terdapatnya dadah berbahaya di dalam kereta itu (lihat *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717);

(g) semasa SD2 memberi keterangan bagi pihaknya, perayu langsung tidak bertanya kepada SD2 mengenai mercun ini sedangkan isu mercun adalah merupakan fakta penting dalam pembelaannya; dan

(h) keterangan perayu mengenai orang yang menunggunya di tempat kejadian adalah tidak konsisten iaitu sama ada Nasir atau Yusof.

[45] Keputusan kes-kes mahkamah Malaysia dan bidang kuasa lain menunjukkan bahawa melainkan terdapatnya pengakuan oleh tertuduh, pembuktian pengetahuan hanya boleh dibuat melalui inferen. Mahkamah perlu membuat penilaian terhadap keseluruhan keterangan yang dikemukakan dalam membuat inferen tersebut(lihat *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor*

[1981] 1 MLJ 64; *Public Prosecutor v Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor* [2002] 3 MLJ 401; *Public Prosecutor v Reza Mohd Shah bin Ahmad Shah* [2002] 4 MLJ 13).

[46] Dalam kes *The People of The Philippines v William Robert Burton* G R No 114396, February 19, 1997 Mahkamah Agung Filipina menyatakan:

> Knowledge refers to a mental state of awareness of a fact. Since courts cannot penetrate the mind of an accused and thereafter state its perceptions with certainty, resort to other evidence is necessary. Animus possidendi, as a state of mind, may be determined on a case-to-case basis by taking into consideration the prior or contemporaneous acts of the accused, as well as the surrounding circumstances. Its existence may and usually must be inferred from the attendant events in each particular case.

[47] Kami ingin menegaskan bahawa hakim bicara telah membuat penemuan fakta berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan bahawa perayu bukanlah pembawa tidak salah. Dapatan fakta ini tidak wajar diganggu oleh mahkamah ini tanpa apa-apa alasan yang kukuh dan munasabah. Dalam kes *Mohamed Ismail bin Sahul Hameed v Public Prosecutor* [2010] MLJU 581, MT , mahkamah ini menyatakan:

> [29] Before we conclude, we would like to emphasise that in so far as the appellant's defence is concerned, the findings of the learned trial Judge are mostly related to factual matters. In this regard, time and again we have held that findings of fact of the trial Judge should not be disturbed on appeal unless the trial Judge has ignored or overlooked certain facts and circumstances of weight and significance which, if considered, would alter the decision of the case. Underlying reason for this rule is that having the opportunity to observe the witnesses testifying during the trial, the trial Judge is able to detect that sometimes thin line between fact and prevarication that will determine the guilt of the accused. That line may not be discernible from a mere reading of the impersonal appeal record by the appellate court. The appeal record will not reveal those tell-tale signs that will affirm the truth or expose the contrivance, like the angry flush of an insisted assertion or the sudden pallor of discovered lie or the tremulous mutter of a reluctant answer of the forthright tone of a ready reply. The appeal record will not show if the eyes have darted in evasion or looked down in confession or gazed steadily with a serenity that has nothing to distort or conceal. The appeal record will not show if tears were shed in anger, or in shame or in remembered pain, or in reigned innocence. Only the judge trying the case can see all these on the basis of his observations arrive at an informed and reasoned verdict.

[48] Kami berpuas hati bahawa hakim bicara telah memberi pertimbangan yang wajar dan secukupnya terhadap pembelaan yang dikemukakan oleh perayu bahawa beliau adalah pembawa tidak salah dan tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang disorokkan di dalam keretanya. Hakim bicara telah menolak pembelaan tersebut. Kami tidak mendapati apa-apa

salaharah yang dibuat oleh hakim bicara dalam menilai fakta dan undang-undang yang terpakai yang mewajarkan campur tangan kami. Sesungguhnya pembelaan perayu itu telah gagal untuk menyangkal anggapan yang terpakai terhadapnya dan juga telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan terhadapnya.

[49] Justeru, isu (c) adalah tidak bermerit.

KESIMPULAN

[50] Kami telah memberi perhatian serius terhadap kesemua isu yang dihujahkan oleh peguambela terpelajar perayu dan mendapati isu-isu itu tidak bermerit. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, kami berpendapat bahawa sabitan adalah selamat. Justeru, rayuan perayu ditolak dan sabitan serta hukuman hakim bicara adalah dikekal dan disahkan.

Rayuan perayu ditolak; sabitan dan hukuman disahkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed